From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: AI PERLU DIPANDU ETIKA, BUKAN GANTI KEBIJAKSANAAN MANUSIA DALAM TRANSFORMASI ZAKAT, WAKAF
Date: Monday, 14 September, 2026 1:58:51 PM
Attachments: image001.png
image004.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

14 SEPTEMBER 2026 / 2 RABIULAKHIR 1448H
==========

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

AI PERLU DIPANDU ETIKA, BUKAN GANTI KEBIJAKSANAAN MANUSIA DALAM TRANSFORMASI ZAKAT, WAKAF



UUM ONLINE: Putrajaya - Penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam pengurusan zakat dan wakaf perlu dipandu oleh ilmu, etika dan tadbir urus yang baik sebagai alat memperkasakan manusia, bukan menggantikan kebijaksanaan manusia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Dr. Zulkifli Hasan berkata, kejayaan transformasi digital dalam kewangan sosial Islam tidak seharusnya diukur berdasarkan sejauh mana teknologi dimiliki, sebaliknya sejauh mana ia digunakan secara bijaksana untuk memberi manfaat kepada masyarakat.

Menurutnya, teknologi mampu membantu institusi mengenal pasti keperluan manusia dengan lebih tepat, menentukan bentuk bantuan yang diperlukan, mengenal pasti kelompok yang paling memerlukan serta memastikan sumber dapat diagihkan dengan lebih cekap.





“Namun, ilmu, etika, perkongsian dan tadbir urus mestilah menjadi asas dalam menentukan apa yang adil, apa yang benar dan apa yang benar-benar memberikan manfaat kepada masyarakat.

“Dalam era apabila data semakin membentuk kuasa, tugas terbesar kita adalah memastikan teknologi kekal sebagai alat untuk memperkasakan manusia, bukannya menjadi pengganti kepada kebijaksanaan manusia,” katanya ketika berucap pada The 4th International Conference on Zakat, Tax, Waqf and Economic Development (ZAWED) 2026 anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), di sini, hari ini.

Dr. Zulkifli berkata, institusi pengurusan zakat dan wakaf perlu dibangunkan bukan sahaja dengan keupayaan digital, malah mempunyai ketelitian intelektual, berpegang teguh kepada nilai etika dan mampu meraih kepercayaan masyarakat.

Katanya, dalam pengurusan zakat dan wakaf, data seharusnya dimanfaatkan untuk mengenal pasti keperluan dengan lebih tepat, mencegah ketirisan, mengintegrasikan bantuan antara institusi serta mengukur sejauh mana sesuatu intervensi benar-benar membawa perubahan kepada kehidupan penerima.



“Persoalan kita bukan lagi sekadar sama ada kita boleh mendigitalkan zakat dan wakaf, tetapi sama ada kita mampu mentransformasikan cara zakat dan wakaf diurus dalam era digital,” katanya.

Beliau berkata, walaupun AI berupaya meningkatkan kecekapan dalam tugasan tertentu, manfaat tersebut belum semestinya diterjemahkan kepada peningkatan produktiviti secara menyeluruh pada peringkat ekonomi.

“Semakin besar kuasa yang dimiliki oleh sesuatu sistem, semakin besar juga tanggungjawab kita untuk memastikan sistem tersebut telus, berakauntabiliti serta selari dengan prinsip Syariah dan kepentingan awam,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, Malaysia yang telah lama diiktiraf sebagai antara peneraju global dalam kewangan Islam perlu terus memperkukuhkan kedudukan itu menerusi penyelidikan, inovasi, transformasi digital dan penggubalan dasar berasaskan bukti.

Menurutnya, persidangan seperti ZAWED ini menyediakan platform penting kepada sarjana, pembuat dasar, pengamal industri serta pemimpin dari pelbagai negara untuk bertukar pandangan, membentangkan hasil penyelidikan dan meneroka penyelesaian inovatif terhadap cabaran sosioekonomi semasa.

“Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada UUM yang telah menggerakkan usaha ini dengan kerjasama Lembaga Zakat Negeri Kedah serta rakan-rakan strategik yang lain.

“Di peringkat Jabatan Perdana Menteri, kami juga bersedia untuk mengadakan kerjasama dalam usaha memperkukuhkan agenda ini,” katanya.



Beliau berkata, kewujudan agensi seperti JAWHAR dan Yayasan Waqaf Malaysia, selain penubuhan Perbadanan Waqaf Nasional Berhad, mampu mempergiatkan usaha memperkukuh ekosistem wakaf secara lebih baik dan sistematik.

Dr. Zulkifli turut menyambut baik pembentangan pelbagai kertas kerja dan cadangan pada ZAWED 2026 yang disifatkan relevan dengan keperluan semasa, khususnya dalam menangani isu sosioekonomi serta merangka agenda memperkukuh ekonomi Islam dan ekonomi negara.

Sementara itu, Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed berharap persidangan ini tidak sekadar menjadi medan untuk berkumpul dan berkongsi pandangan, tetapi mampu menghasilkan idea, resolusi dan cadangan yang boleh diterjemahkan kepada tindakan serta memberi manfaat yang lebih besar kepada Masyarakat.



“Saya berharap peserta bukan sahaja dapat berkongsi pengalaman dan kepakaran masing-masing, malah membawa pulang pelbagai ilmu, idea dan amalan terbaik yang diperoleh sepanjang persidangan ini.

“Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak dan penganjur bersama yang sudi bekerjasama dengan UUM, khususnya Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ) bagi merealisasikan persidangan ini,” katanya.

Beliau berharap hubungan yang telah terjalin, khususnya antara UUM dengan organisasi-organisasi yang terlibat secara langsung dalam bidang zakat, wakaf dan pembangunan ekonomi akan terus diperkukuhkan serta dimantapkan pada masa akan datang.

Turut diadakan Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara UUM diwakili Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inivasi), Prof. Dr. Ram Al Jaffri Saad dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) diwakili Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ts. Dr. Shukor Abd Razak dengan disaksikan Dr. Zulkifli.

Selain itu, pelancaran buku Zakat Era Digital, Zakat Dan Pemerkasaan Masyarakat serta Set Buku Infografik Geran Penyelidikan Khas LZNK-IPIZ.



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.